**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

# Manual Pengguna

# JPJeBid

## PANDUAN PENGGUNA JPJeBid


1.0 PANDUAN UMUM ... 1
1.1 Pengenalan ... 1
1.1.1 Proses JPJeBid ... 1
1.1.2 Proses Mendapatkan ID Persendirian (Individu) Sediada ... 2
1.1.3 Proses Mendapatkan ID Syarikat /Kerajaan/Badan Berkanun/Agensi Sediada ... 3
1.1.4 Proses Pendaftaran ID Persendirian Tidak Mempunyai Rekod di JPJ ... 4
2.0 DAFTAR BARU ... 5
2.1 Maklumat Pembida ... 6
2.2 Emel Notifikasi ... 7
3.0 LOG MASUK ... 8
3.1 Log Masuk ... 8
3.2 Daftar Keluar ... 9
4.0 PROFIL ... 10
4.1 Semakan Maklumat Pembida ... 10
4.2 Kemaskini Maklumat Pembida ... 11
4.3 Terma dan Syarat ... 11
5.0 BIDA NOMBOR ... 12
5.1 Carian Nombor Bidaan ... 12
5.2 Mula Bidaan ... 13
5.3 Bidaan Semasa Saya ... 24
6.0 SEMAK MAKLUMAT KEDUDUKAN BIDAAN ... 25
6.1 Peti Masuk ... 25
6.2 Semak Keputusan Bidaan ... 27
7.0 LAIN-LAIN ... 32
7.1 Akaun ... 32
7.1.1 Profil ... 32
7.1.2 Tukar Kata Laluan ... 33
7.2 Sejarah ... 34
7.2.1 Sejarah Bidaan Saya ... 34
7.2.2 Carian Pemenang ... 34
7.3 Kegemaran ... 36
7.4 Soalan Lazim ... 38
7.5 Hubungi Kami ... 39

# 1.0 PANDUAN UMUM

## 1.1 Pengenalan

### 1.1.1 Proses JPJeBid

**PENGENALAN PROSES**

**PENGIKLANAN**




**Iklan Notis**

1. No Siri akan dibuka oleh JPJ Negeri
2. Bidaan atas talian melalui:
   i. Portal JPJ / JPJeBid
   ii. Aplikasi Mudah Alih JPJ

**PENDAFTARAN**



**Pengguna mendaftar untuk mula membida**

1. Kategori Pembida
   a) Warganegara/Pemastautin Tetap
   b) Syarikat Sediada / Sediada
   c) Pertubuhan/Koperasi/Badan Profesional
   d) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa/ Pejabat Serantau
   e) Bukan warganegara
2. Pengesahan persetujuan Terma & Syarat.
3. Pengesahan melalui email.

**BIDAAN**



**Mulakan Bidaan**

1. Carian Nombor
   i. Julat/nombor
   ii. Siri Negeri
2. Carian Sejarah Amaun Bidaan
3. Papar Kedudukan No Bidaan
4. Email Pemberitahuan:
   i. Pengesahan pendaftaran
   ii. Pemenang/Kalah
5. Peti Masuk -Pemberitahuan
   i. Resit Pembayaran
   ii. Status Bidaan
   iii. Surat Menang/Kalah

**PEMBAYARAN**



**Proses Bank**

1. Mod Bayaran
   i. Kad Kredit
   ii. Kad Debit
2. Pegangan Sementara (Pre-Authorized)
3. Pembida Berjaya - Tolak Jumlah Bidaan
4. Pembida Tidak Berjaya - Lepaskan Pegangan Sementara (Pre-Authorized Amount)

## 1.1.2 Proses Mendapatkan ID Persendirian (Individu) Sediada



## 1.1.3 Proses Mendapatkan ID Syarikat /Kerajaan/Badan Berkanun/Agensi Sediada



## 1.1.4 Proses Pendaftaran ID Persendirian Tidak Mempunyai Rekod di JPJ

**PROSES PENDAFTARAN ID JPJeBID DI JPJ NEGERI**

PERMOHONAN ID SYARIKAT BARU



## 2.0 DAFTAR BARU

1. Pemohon ke **Portal JPJeBid** atau menerusi Aplikasi Mudah Alih **JPJeBid**
   i. Website [www.jpj.gov.my](http://www.jpj.gov.my) dan ke pautan ke **Portal JPJeBid** atau;
   ii. Pasang Aplikasi Mudah Alih **JPJeBid** di *Play Store / App Store*

2. Klik butang **Daftar Baru** dan skrin berikut akan dipaparkan untuk tindakan selanjutnya




3. Pilih Kategori pembida yang dipaparkan
4. Masukkan Nombor Kad Pengenalan atau lain-lain kategori yang telah dipilih
5. Masukkan kod *alphanumeric* CAPTCHA yang diberikan
6. Tekan butang **Semak**



## 2.1 Maklumat Pembida

1. Masukkan maklumat bertanda ** yang diperlukan




2. Klik pada * ☑ untuk setuju **Terma & Syarat**



Terma & Syarat

1. Terbuka kepada kategori berikut:

   a. Individu: Penduduk Tetap Malaysia (PTM) dan Orang Awam Malaysia (MAL) yang berumur 18 tahun dan ke atas.

   b. Perniagaan/Syarikat: Perniagaan/Syarikat yang berdaftar.

   c. Pertubuhan, Koperasi Dan Badan Profesional: hanya dibenarkan kepada **yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**

   d. Agensi Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun/ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa/ Pejabat Serantau: hanya dibenarkan kepada **yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**

   e. Bukan warganegara: hanya dibenarkan kepada**yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**Nombor siri passport terbaru perlu dikemaskini oleh pemilik passport jika tarikh luput passport terdahulu telah tamat di mana-mana pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC.

2. Individu/Perniagaan/Syarikat yang tidak mempunyai sebarang rekod atau transaksi di JPJ, perlulah membuat pengesahan dan pengwujudan rekod di pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC yang berhampiran **ATAU;**

3. Individu/Perniagaan/Syarikat yang telah mempunyai rekod atau transaksi di JPJ boleh terus melayari portal JPJeBid untuk mendaftar sebagai pembida.

4. Individu/Perniagaan/Syarikat yang telah membuat pendaftaran di Kaunter JPJ perlu membuat pengesahan di e-mel yang didaftarkan sebelum mendaftar sebagai pembida di portal JPJeBid.

5. Bukan warganegara/ Pertubuhan/ Koperasi/ Badan Profesional/ Agensi Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun/ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa/ Pejabat Serantau yang tidak mempunyai rekod adalah tidak tersedia untuk mewujudkan pendaftaran baru bagi JPJeBid

6. **Hanya maklumat pembaharuan e-mel dan nombor telefon** sahaja yang boleh dikemaskini di menu profil pengguna JPJeBid. Sekiranya terdapat perubahan maklumat peribadi yang lain, pengguna perlu hadir ke pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC untuk kemaskini maklumat tersebut.

7. Segala urusan transaksi pembayaran fi atau wang bidaan adalah menggunakan kad kredit tempatan / kad debit tempatan sahaja (Malaysia Issuer) sahaja.

3. Klik butang **Daftar**




4. Notifikasi untuk pendaftaran berjaya dipaparkan




## 2.2 Emel Notifikasi

1. Buka emel yang telah di daftarkan
2. Klik pautan ***Sila tekan di sini*** untuk pengesahan akaun JPJeBID



3. Notifikasi Maklumat Pendaftaran berjaya dan boleh mula mengakses sistem tersebut




# 3.0 LOG MASUK

## 3.1 Log Masuk

1. Skrin daftar masuk Pembida ke Sistem JPJeBid




2. Masukkan ID Pengguna dan Katalaluan yang tepat
3. Klik butang **Log Masuk** untuk Log masuk ke Sistem JPJeBid
4. Notifikasi persetujuan promosi emel dipaparkan. Klik **Ya** untuk bersetuju menerima emel promosi atau klik **Tidak** untuk tidak bersetuju.




5. Pengguna boleh mengakses semua menu yang dipaparkan di Sistem JPJeBid.

## 3.2 Daftar Keluar

1. Pengguna boleh klik di **Daftar Keluar** untuk keluar dari Sistem JPJeBid



# 4.0 PROFIL

Fungsi ini diwujudkan adalah untuk:

a) Semakan maklumat pembida
b) Kemaskini maklumat pembida
c) Pilihan kebenaran untuk menerima promosi JPJeBid
d) Menyemak **Terma & Syarat** JPJeBid

## 4.1 Semakan Maklumat Pembida

1. Skrin memaparkan Maklumat Profil dan Perhubungan pembida seperti berikut:



## 4.2 Kemaskini Maklumat Pembida

1. Klik pada butang **Kemaskini** untuk mengemaskini maklumat No. Tel, Penerimaan Promosi dan Emel.
2. Masukkan maklumat terkini dan klik butang **Kemaskini** untuk mengemaskini maklumat yang dipinda atau **Batal** untuk membatalkan transaksi.




## 4.3 Terma dan Syarat

1. Klik pada pautan **Terma dan Syarat** untuk menyemak Terma dan Syarat



Terma & Syarat

1. Terbuka kepada kategori berikut:

   a. Individu: Penduduk Tetap Malaysia (PTM) dan Orang Awam Malaysia (MAL) yang berumur 18 tahun dan ke atas.

   b. Perniagaan/Syarikat: Perniagaan/Syarikat yang berdaftar.

   c. Pertubuhan, Koperasi Dan Badan Profesional: hanya dibenarkan kepada **yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**

   d. Agensi Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun/ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa/ Pejabat Serantau: hanya dibenarkan kepada **yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**

   e. Bukan warganegara: hanya dibenarkan kepada**yang telah mempunyai rekod di dalam Sistem MySIKAP.**Nombor siri passport terbaru perlu dikemaskini oleh pemilik passport jika tarikh luput passport terdahulu telah tamat di mana-mana pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC.

2. Individu/Perniagaan/Syarikat yang tidak mempunyai sebarang rekod atau transaksi di JPJ, perlulah membuat pengesahan dan pengwujudan rekod di pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC yang berhampiran **ATAU;**
3. Individu/Perniagaan/Syarikat yang telah mempunyai rekod atau transaksi di JPJ boleh terus melayari portal JPJeBid untuk mendaftar sebagai pembida.
4. Individu/Perniagaan/Syarikat yang telah membuat pendaftaran di Kaunter JPJ perlu membuat pengesahan di e-mel yang didaftarkan sebelum mendaftar sebagai pembida di portal JPJeBid.
5. Bukan warganegara/ Pertubuhan/ Koperasi/ Badan Profesional/ Agensi Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun/ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa/ Pejabat Serantau yang tidak mempunyai rekod adalah tidak tersedia untuk mewujudkan pendaftaran baru bagi JPJeBid
6. **Hanya maklumat pembaharuan e-mel dan nombor telefon** sahaja yang boleh dikemaskini di menu profil pengguna JPJeBid. Sekiranya terdapat perubahan maklumat peribadi yang lain, pengguna perlu hadir ke pejabat Negeri dan cawangan JPJ kecuali UTC untuk kemaskini maklumat tersebut.
7. Segala urusan transaksi pembayaran fi atau wang bidaan adalah menggunakan kad kredit tempatan / kad debit tempatan sahaja (Malaysia Issuer) sahaja.

# 5.0 BIDA NOMBOR

Di bawah adalah skrin utama yang akan memaparkan Siri Nombor Pendaftaran Kenderaan yang dibuka dan masih dalam tempoh bidaan




## 5.1 Carian Nombor Bidaan

1. Klik pada tab **Bidaan** untuk membuat carian nombor bidaan yang dikehendaki




2. Klik pada **Cari Nombor**
3. Masukkan nombor yang hendak dibida
4. Tarik *slide*  ke kanan bagi melengkapkan *Puzzle* untuk Pemeriksaan Keselamatan
5. Klik butang carian 




6. Sistem akan memaparkan hasil carian




## 5.2 Mula Bidaan

1. Klik pada butang **Lagi** untuk paparkan maklumat penuh nombor yang hendak dibida
2. Klik butang **Bida** untuk mula membida



Nota: Sebelum membuat pembayaran Caj Perkhidmatan, bagi No. Pendaftaran Kenderaan Elektirk (EV), No. Pendaftaran Kenderaan Langkawi (KV) dan No. Pendaftaran Kenderaan Labuan (L) sistem akan memaparkan Terma dan Syarat berikut:

## No. Pendaftaran Kenderaan Elektrik (EV)




## No. Pendaftaran Kenderaan Langkawi



### No. Pendaftaran Kenderaan Labuan




3. Klik butang **Setuju** untuk meneruskan transaksi bayaran perkhidmatan.
4. Sistem akan memaparkan mesej makluman untuk pembayaran Caj Perkhidmatan bagi nombor kenderaan yang dipilih




5. Klik pada butang **Teruskan** untuk bayaran Caj Perkhidmatan
6. Sistem paparkan **Terma & Syarat** pembayaran
7. Klik butang **Setuju** untuk teruskan pembayaran


Maklumat Pembayaran
Terma & Syarat
1. Penggunaan kad kredit atau kad debit yang dibenarkan adalah Kad Tempatan (Local Card) sahaja.
2. Jenis Kad Kredit/ Debit yang dibenarkan adalah Visa, MasterCard dan AMEX.
3. Satu transaksi hanya membenarkan penggunaan 1 Kad Kredit/ Debit sahaja. Walau bagaimanapun, penggunaan Kad Kredit/ Debit berlainan dibenarkan bagi tambahan bidaan atau bidaan yang seterusnya.
4. Caj perkhidmatan hendaklah dibayar sepenuhnya semasa transaksi bidaan dilakukan.
Setuju
Caj Perkhidmatan (RM)
10.00
Batal
Hantar

8. Sistem akan paparkan Maklumat Pembayaran bagi bayaran Caj Perkhidmatan




9. Klik pada Visa/Master atau American Express
10. Klik butang **Hantar** untuk teruskan pembayaran
11. Masukkan maklumat Kad Kredit atau Kad Debit yang masih aktif dengan amaun yang mencukupi
12. Klik butang **Proceed** untuk hantar




13. Masukkan kod pengesahan atau *MSOS Code* yang diterima daripada bank dan klik **Submit**



14. Menunggu proses maklumbalas dari pihak bank




15. Notifikasi untuk transaksi bayaran Caj Perkhidmatan telah diterima
16. Klik butang **Teruskan** untuk meneruskan bidaan



17. Masukkan amaun bidaan yang dikehendaki pada medan **Bidaan Anda**
18. Klik butang **Bida**




19. Sistem paparkan **Terma & Syarat** pembayaran



20. Klik butang **Setuju** untuk meneruskan pembayaran
21. Sistem akan paparkan Maklumat Pembayaran bagi bayaran Amaun Bidaan




22. Klik pada Visa/Master atau American Express
23. Klik butang **Hantar** untuk teruskan pembayaran
24. Sistem memaparkan mesej persetujuan bayaran bidaan dan klik **Setuju** untuk membuat bayaran




25. Masukkan maklumat Kad Kredit atau Kad Debit yang masih aktif dengan amaun yang mencukupi
26. Klik butang **Proceed** untuk hantar




27. Masukkan kod pengesahan atau *MSOS Code* yang diterima daripada bank dan klik **Submit**




28. Menunggu proses maklumbalas dari pihak bank




29. Notifikasi untuk transaksi bidaan telah diterima (*pre authorization*)




30. Klik butang **Kembali** untuk menyemak senarai terkini nombor yang dibida

## 5.3 Bidaan Semasa Saya

Fungsi ini akan memaparkan semua transaksi bidaan semasa JPJeBid pembida beserta kedudukan nombor bidaan terkini mengikut Nombor Pendaftaran Kenderaan

1. Klik pada pautan rekod nombor pendaftaran kenderaan tersebut untuk paparan maklumat




2. Skrin memaparkan Perincian Bidaan Semasa Pembida bagi nombor pendaftaran yang dipilih




3. Sekiranya kedudukan telah berubah, pembida boleh klik butang **Tambah Bidaan +** untuk tambah nilai bidaan dan ulangi proses bayaran (Rujuk langkah 17 sehinggan 30)

# 6.0 SEMAK MAKLUMAT KEDUDUKAN BIDAAN

Sistem akan memaparkan maklumat kedudukan bidaan terkini seperti berikut selepas tambah nilai bidaan.




## 6.1 Peti Masuk

1. Klik tab **Peti Masuk** untuk semak maklumat terperinci
2. Sistem akan memaparkan maklumat bidaan yang telah dilakukan



3. Klik pada pautan untuk semak maklumat keputusan bidaan secara terperinci
4. Skrin berikut adalah maklumat terperinci transaksi di **Peti Masuk**




5. Pengguna boleh menghapus mesej / notifikasi yang tidak diperlukan di dalam Peti Masuk dengan klik butang



## 6.2 Semak Keputusan Bidaan

1. Pembida boleh menyemak keputusan **BERJAYA / TIDAK BERJAYA** menerusi **Peti Masuk** dan **Email**
2. Menerusi notifikasi di Peti Masuk, pengguna boleh klik pautan keputusan bidaan. Contoh: Keputusan **BERJAYA**




3. Sistem akan memaparkan makluman keputusan bidaan yang berjaya seperti berikut:



4. Klik pautan **Surat Keputusan Bidaan Nombor Pendaftaran kenderaan** untuk memaparkan surat keputusan bidaan

IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
ARAS 3-5 NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 8000 8000
Telefax : 03 8881 0194
Portal Rasmi : www.jpj.gov.my

Ruj. Kami : BF20231206101917099

Tarikh : 12/12/2023

| | | |
|---|---|---|
| No. K/P / No. Syarikat | : | 8309 ******** |
| Nama | : | UMMI ******** BINTI ABDULLAH |
| Alamat | : | NO *** TAMAN SRI RAYA<br>43000<br>KAJANG<br>SELANGOR |

Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI EV8384**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah berjaya dalam bidaan nombor pendaftaran kenderaan Siri **EV8384** dengan harga bidaan sebanyak **RM 300.00.**

3. Pihak tuan/Puan hendaklah mendaftarkan nombor pendaftaran kenderaan tersebut di mana-mana Pejabat JPJ dalam tempoh 12 bulan dari tarikh surat ini dan hendaklah didaftarkan atas nama pembida yang berjaya sahaja. **Sebarang pelanjutan tempoh nombor pendaftaran kenderaan ini adalah tidak dibenarkan.** Sepertimana yang telah **dinyatakan dan dipersetujui di dalam terma dan syarat JPJeBid oleh pihak tuan/ puan, nombor pendaftaran yang:**

**i. Diperuntukkan di kawasan Pulau Bebas Cukai (PBC) iaitu Pulau Langkawi bermula tanda indeks siri 'KV' dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula tanda indeks siri 'L' hendaklah didaftarkan di JPJ Cawangan tersebut sahaja.**

**ii. Dikhaskan kepada kenderaan elektrik bermula tanda indeks siri 'EV'; hanya boleh didaftarkan kepada kenderaan elektrik/Electric Vehicle (EV) yang menggunakan elektrik sepenuhnya sahaja.**

4. Sekiranya gagal didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan, nombor pendaftaran kenderaan tersebut akan ditarik balik dan bayaran yang telah dijelaskan **TIDAK** dikembalikan sebaliknya menjadi hasil Kerajaan.

5. Sila kemukakan surat tawaran ini semasa tuan/puan membuat urusan pendaftaran kenderaan di kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"MESRA, CEKAP, TELUS"**

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN**

5. Klik pautan **Resit Bayaran** untuk memaparkan resit bayaran

**KERAJAAN MALAYSIA**
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**RESIT RASMI**

**ASAL**

No. Resit : 011610273A00087
Tarikh : 06/12/2023
Masa : 10:19:23 AM

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | UMMI ******* BINTI ABDULLAH |
| No.Kad Pengenalan/No.Daftar Perniagaan | : | 8309******** |
| No. Pendaftaran Kenderaan | : | EV8384 |
| Alamat | : | NO***TAMAN SRI RAYA<br>43000<br>KAJANG<br>SELANGOR |
| Agensi | : | JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA |
| No. BSN | : | 23121201161020000026 |
| Jenis Transaksi | : | BIDA NOMBOR ATAS TALIAN |

| Bil. | Kod Terimaan | Kod Terimaan JPJ | No. Rujukan | Keterangan | Dari | Hingga | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 72422 | 2630000 | EV8384 | BAYARAN NO. BIDAAN ATAS TALIAN | 12/12/2023 | 11/12/2024 | 300.00 |
| | | | | | | **Jumlah** | **300.00** |

| Bil. | Cara Bayaran | Bank | No. Transaksi |
|---|---|---|---|
| 1 | Kad Kredit | - | V36083 |

**Ringgit Malaysia** : Tiga Ratus Sahaja
**Catatan** : **0116102 N 830904085274 0**

***SIMPAN RESIT INI UNTUK BUKTI PEMBAYARAN***

***Ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan***
***No.Kelulusan Perbendaharaan : BPKS (8.15) 248-11 (46)***

6. Bagi pembida yang **TIDAK BERJAYA**, klik pautan yang di berikan dan sistem akan memaparkan makluman seperti di berikut:



**JPJeBid - Keputusan Bidaan RAT9876 : Gagal**
06-12-2023 17:11:15

**KEPUTUSAN BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI RAT9876**

Tuan/Puan,

Permohonan tuan/puan untuk mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan tersebut adalah TIDAK BERJAYA.
Untuk mencetak Surat Keputusan Bidaan Gagal, sila klik pada pautan berikut: SURAT KEPUTUSAN BIDAAN TIDAK BERJAYA NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI RAT9876
Pihak bank akan membuat pembatalan transaksi bagi amaun bidaan yang gagal. Penyelesaian bayaran akan dikreditkan ke kad kredit/ debit pembida dalam tempoh tempoh 7 hingga 30 hari bekerja selepas keputusan dikeluarkan bergantung kepada bank pengeluar kad kredit/debit.

Terima kasih kerana membida dengan JPJ.

Nota : Tidak perlu menjawab notifikasi ini kerana ia dijana secara automatik.



7. Klik pautan yang diberikan dan Sistem akan memaparkan Surat Keputusan **TIDAK BERJAYA** seperti di bawah:-



IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
ARAS 3-5 NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 8000 8000
Telefax : 03 8881 0194
Portal Rasmi : www.jpj.gov.my

Ruj. Kami : BK20190528153016969
Tarikh : 24/07/2019

No. KP / No. Syarikat : 6803 ********

Nama : NORMALA BINTI MAT NOR
Alamat : NO ** TAMAN SRI ********
09600
LUNAS
KEDAH

Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI KA22**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Permohonan tuan/puan untuk mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan tersebut adalah **TIDAK BERJAYA**

3. Pihak bank akan membuat pembatalan transaksi bagi amaun bidaan yang gagal. Penyelesaian bayaran akan dikreditkan ke kad kredit/ debit pembida dalam tempoh tempoh 7 hingga 30 hari bekerja selepas keputusan dikeluarkan bergantung kepada bank pengeluar kad kredit/debit.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"MESRA, CEKAP, TELUS"**

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN**

8. Sistem JPJeBid juga menghantar notifikasi Berjaya/Tidak Berjaya menerusi Email yang telah didaftarkan.
9. Klik pada pautan email yang didaftarkan.
10. Sistem akan paparkan notifikasi seperti di bawah:-



FW: JPJeBid - Keputusan Bidaan CEQ60 : Berjaya Inbox ×

**From:** JPJeBiD Support <jpjebid@jpj.gov.my>
**Sent:** Friday, 25 June, 2021 3:21 PM
**To:** abu@gmail.com
**Subject:** JPJeBid - Keputusan Bidaan CEQ60 : Berjaya

**KEPUTUSAN BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI CEQ60**

Tuan/Puan

Sukacita dimaklumkan bahawa Tuan/Puan telah berjaya dalam bidaan nombor pendaftaran kenderaan Siri **CEQ60** dengan harga bidaan sebanyak **RM 1000.00**.
Tuan/Puan hendaklah mendaftarkan nombor pendaftaran kenderaan tersebut di mana-mana pejabat JPJ dalam tempoh 12 bulan dari tarikh surat ini atas nama pembida yang berjaya sahaja. Sebarang pelanjutan tempoh adalah tidak dibenarkan.
Sekiranya gagal didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan, nombor pendaftaran kenderaan tersebut akan ditarik balik dan bayaran yang telah dijelaskan TIDAK dikembalikan sebaliknya menjadi hasil Kerajaan.

Untuk mencetak Surat Keputusan Bidaan pemenang, sila klik pada pautan berikut :SURAT KEPUTUSAN BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI CEQ60

Untuk mencetak resit bayaran, sila klik pada pautan berikut :
1)BC20210625144828646

2)BC20210625145042473

Sila kemukakan surat tawaran ini semasa Tuan/Puan membuat urusan pendaftaran kenderaan di kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Terima kasih kerana membida dengan JPJ.

Nota : Tidak perlu menjawab notifikasi ini kerana ia dijana secara automatik.

# 7.0 LAIN-LAIN

## 7.1 Akaun

### 7.1.1 Profil

Fungsi ini diwujudkan adalah untuk:

e) Semakan maklumat pembida

f) Kemaskini maklumat pembida

g) Pilihan kebenaran untuk menerima promosi JPJeBid

h) Menyemak **Terma & Syarat** JPJeBid




** Rujuk item 4.1, 4.2 dan 4.3 bagi Semakan Maklumat Pembida, Kemaskini Maklumat Pembida dan Terma dan Syarat.

### 7.1.2 Tukar Kata Laluan

Fungsi ini diwujudkan bagi memudahkan pengguna menukar katalaluan yang sediada




1. Masukkan Kata Laluan Lama, Kata Laluan Baru dan Sahkan Kata Laluan Baru
2. Sistem memaparkan mesej maklumat profil berjaya dikemaskini.



## 7.2 Sejarah

Fungsi ini diwujudkan bagi memudahkan pengguna membuat semakan status sejarah menang / kalah setiap nombor pendaftaran kenderaan yang dibida

### 7.2.1 Sejarah Bidaan Saya

Sistem akan memaparkan status terkini nombor pendaftaran kenderaan yang telah dibida seperti di bawah. Sekiranya siri telah ditutup dan keputusan telah dikeluarkan, status Menang / Kalah akan di paparkan untuk setiap nombor yang dibida.


Rekod Transaksi

| Nombor Siri | Status |
|---|---|
| BRN8384 | Dalam Proses Bidaan |
| RAT9876 | Kalah |
| EV8384 | Menang |
| RAT8384 | Kalah |

### 7.2.2 Carian Pemenang

Fungsi ini diwujudkan bagi memudahkan pembida membuat carian pemenang untuk nombor yang dibida sahaja.




1. Klik pada **Nombor**, sistem akan paparkan kesemua nombor yang pernah dibida
2. Klik nombor yang hendak dicari pemenangnya




3. Sistem akan paparkan jumlah tertinggi bidaan yang telah dimenangi untuk Nombor Pendaftaran Kenderaan tersebut




4. Jika siri masih belum ditutup, sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



## 7.3 Kegemaran

Fungsi ini diwujudkan bagi memudahkan pembida membida tanpa perlu membuat carian semula

1. Klik butang **Kegemaran** untuk paparkan senarai Nombor Pendaftaran Kenderaan yang telah dipilih untuk dimasukkan ke dalam fungsi ini.




2. Sistem memaparkan notifikasi nombor yang berjaya dimasukkan ke senarai kegemaran.



3. Semak senarai kegemaran anda di menu **Kegemaran**. Sistem akan memaparkan senarai No. Kenderaan di dalam senarai kegemaran seperti berikut:




4. Klik butang 

untuk keluarkan nombor dari senarai kegemaran dan skrin memaparkan mesej berikut:



## 7.4 Soalan Lazim

Pembida boleh menyemak Soalan Lazim yang disediakan di Portal JPJeBid untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan bidaan.



## 7.5 Hubungi Kami

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pembida boleh terus berhubung menerusi Nombor Telefon, Nombor Fax serta Emel seperti berikut

Putrajaya

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 03-88921476/8947 | 03-88811154 | aduan.jpjebid@jpj.gov.my |

Kuala Lumpur

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 03-41450800/0874 | 03-40236599 | aduan.jpjebidwpkl@jpj.gov.my |

Selangor

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 03-55669566/9475/9489/9482 | 03-55432202 | aduan.jpjebidsel@jpj.gov.my |

Negeri Sembilan

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 06-6752126 | 06-6777800 | aduan.jpjebidns@jpj.gov.my |

Melaka

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 06-2528592 | 06-2328564 | aduan.jpjebidmlk@jpj.gov.my |

Pahang

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 09-5736622/samb 371 | 09-5733051 | aduan.jpjebidphg@jpj.gov.my |

Perak

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 05-5478000 samb 602/607 | 05-5474740 | aduan.jpjebidprk@jpj.gov.my |

Perlis

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 04-9792041 | 04-9760911 | aduan.jpjebidpls@jpj.gov.my |

Pulau Pinang

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 04-3927631 | 04-3988807 | aduan.jpjebidpp@jpj.gov.my |

Terengganu

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 09-6212204 | 09-6220068 | aduan.jpjebidtrg@jpj.gov.my |

Kedah

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 04-7404888/4944 | 04-7318814 | aduan.jpjebidkdh@jpj.gov.my |

Kelantan

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 09-7666144 | 09-7641685 | aduan.jpjebidkel@jpj.gov.my |

Johor

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 07-3606129/6093 | 07-3606111 | aduan.jpjebidjdt@jpj.gov.my |

Sabah

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 088-511848/847/851 | 088-725519 | aduan.jpjebidsbh@jpj.gov.my |

Sarawak

| No. Telefon | No. Faks | Emel |
|---|---|---|
| 082-628722/700 samb 155/129 | 082-628715 | aduan.jpjebidswk@jpj.gov.my |

Kembali